



Oleh MOHD AL QAYUM AZIZI
qayumazizi@thestar.com.my
(Yang mengikuti rombongan Tune
Hotels ke Bintulu, Sarawak baru-baru
ini)

SAAT diberitahu editor ada tugas ke Bintulu, Sarawak anjuran Kumpulan Tune Hotels bersempena pembukaan cawangan hotel milik syarikat itu, penulis agak teruja kerana belum pernah menjejakkan kaki ke Bumi Kenyalang itu.

Walaupun kapal terbang yang bakal membawa kami ke sana mengalami masalah dan telah menyebabkan kelewatan jadual selama dua jam namun semangat untuk melihat keindahan Bintulu dan masyarakat di sana tidak terpadam begitu sahaja.

Selepas berehat seketika di Tune Hotels yang baru sahaja dibuka pada 1 Januari yang lalu, agenda pertama rombongan adalah melawat ke Rumah Panjang Jalong Tatau yang terletak di Kampung Tatau, kira-kira satu jam perjalanan berkereta dari pekan Bintulu.

Namun cabaran perjalanan

Kehidupan rumah panjang jauh berbeza, masih mengekalkan adat lama

itu tidak berhenti di situ apabila rombongan perlu mengharungi Sungai Tatau untuk sampai ke perkampungan berkenaan yang mengambil masa lebih kurang 20 minit perjalanan bot dari jeti.

Bagaimanapun saat diberitahu sungai berkenaan mempunyai kedalaman lebih kurang 17 meter dan jaket keselamatan tidak disediakan, perasaan berdebar-debar terus menguasai diri bimbang kemungkinan berlakunya sesuatu kejadian buruk.



Saat kaum ibu memersempahkannya tarion khas Etnik Tatau yang dipanggril tarion sun



Rombongan bergambar kenangan bersama penduduk Rumah Panjang Jalong